

KHATAM Al Quran UNTUK RAMADHAN

Edisi Khas Orang Sibuk



*Lengkap dengan
Jadual Ramadhan
& Pelan Tindakan

by **HUSNA HARON**
www.FormulaMasa.com



Contents

1.0	PENGENALAN	6
2.0	RAHSIA 21 FORMULA MASA	7
3.0	MASA DAN SOLAT. APA KAITANNYA.....	8
4.0	MASA DAN AL-QURAN. APA KAITANNYA.....	12
5.0	VIDEO	14
6.0	JADUAL RAMADAN	17
6.1	Jadual Tiada datang Period (sesuai untuk lelaki juga)	17
6.2	Jadual Untuk wanita yang datang Period	18
6.3	period? Masih boleh beribadat.....	18
7.0	PERSEDIAAN SEBELUM RAMADAN TIBA.....	22
7.1	Persediaan Rumah	22
7.2	Persediaan Kuih Raya.....	23
7.3	Persediaan Baju Raya.....	23
7.4	Ganti Puasa / bayar Fidyah	23
7.5	Persediaan Ibadat & Penghayatan.....	23
a)	Solat wajib.....	24
b)	Solat sunat	24
c)	Senarai Doa	25
d)	Baca Al-Quran	26
e)	Zikir.....	27
f)	Sedekah.....	28
8.0	BERDOA DI BULAN RAMADAN	28
9.0	PENUTUP	30

Terima kasih kerana mendapatkan ebook “Khatam Alquran untuk Ramadan” by Husna Haron.

Bersama ebook ini, anda juga boleh mendapatkan akses percuma e-learning untuk menonton 17 video tips pengurusan masa. Jemput daftar di www.formulamasa.com/elearning Sebelum bermula, cuba baca ini

Di bawah ini adalah pelan tindakan yang Puan perlu lakukan.

No	Tindakan	Tick
	Sekarang hingga sebelum Ramadan tiba	
1-	Cari cleaner sampai dapat & Doa dapat yg jujur	
2-	Check tasbih, alQuran, tafsir	
3-	Senaraikan doa (penting!) & print	
4-	Beli Modulizer (page 21) , CD Player, CD AlQuran	
5-	Ustaz / YouTube / Google :- - Solat yang sempurna - Wuduk Sempurna - Zikir Sempurna - Sedekah untuk kaya - ajar anak baca al-Quran	
	(Hujung minggu)	
1-	Cleaner datang bersih rumah	
2-	Tukar Langsir	
3-	Balang Biskut Raya	
4-	lampu lip lap	
5-	Service kereta (kalau dekat raya, crowded!)	
6-	Beli stock makanan	





Telah membantu lebih 20,000 wanita bekerja yang sibuk urus aktiviti hidup untuk kehidupan seimbang dengan Formula Quranic Time Management

Saya Husna Haron, wanita berkerjaya yang tetap ada masa untuk:-

No	Aktiviti	Pencapaian
1	Pensyarah	Di Universiti Swasta dalam bidang Perakaunan
2	Usahawan & Akauntan Syarikat	Web Entrepreneur, Supply Man Power kepada Syarikat Oil & Gas, CRA Facilitator, buat akaun company sendiri
3	Ajar sendiri anak-anak membaca al-Quran	Ajar anak dari usia 2 tahun. Dalam masa 3 tahun boleh membaca al-Quran sendiri dan sudah hafal 23 Surah pendek
4	Ajar anak Mental Arithmetic (abacus)	Usia 5 tahun mampu mengira matematik tambah dan tolak
5	Latih anak dengan Right Brain	Membantu dalam kehidupan harian anak terutamanya dalam menghafal al-Quran
6	Travelling setiap 2 minggu	Hobi. Menemani suami travelling sama ada dalam negeri atau luar Negara.
7	Aktif bersukan 5 kali seminggu	Berjaya turun 21kg dalam masa 18 bulan
8	Bercita-cita menjadi Chef	Masak setiap hari, 2 kali sehari & Baking Selalu explore resipi baru
9	Selalu Membaca	Setiap masa membaca ilmu yang diminati
10	MENGEMAS SAMBIL-SAMBIL	RUMAH SELALU KEMAS & BERSIH

!! TIADA PEMBANTU RUMAH !!

Sila tonton video : Kenali Husna Haron di www.FormulaMasa.com



1.0 PENGENALAN

Assalamualaikum dan Hai! Saya Husna Haron Pengasas dan Coach FormulaMasa.com. Sebuah portal online untuk Orang yang Sibuk memperbetulkan balik kehidupan untuk capai Life Balance, dengan formula yang berasaskan alquran yang terbukti berkesan. Kami berkongsi pelbagai idea life balance dan pengurusan masa dan aktiviti berkesan melalui

- 1- Seminar Life Balance Time Revamp,
- 2- e-learning Revamp Your Routine
- 3- Facebook
- 4- Email

Apabila peserta seminar berinteraksi dengan saya di dalam seminar, saya semakin faham apa yang telah terjadi kepada kebanyakan orang yang sibuk. Secara asas sibuk adalah apabila kita ada banyak perkara yang perlu dilakukan di dalam Jumlah masa yang amat terbatas.

Kebiasaannya, manusia hanya boleh handle 3 aktiviti utama sahaja iaitu bekerja, urus rumah tangga dan menjaga keluarga. Maka, apabila ditambah aktiviti lain kemungkinan, kesibukan akan menjadi lebih kritikal sehingga kita akan menjadi Lost Control. Sebagai contoh, sekiranya ditambah aktiviti ke empat seperti side income, pasti tugas rumah tangga atau focus kepada ahli keluarga yang akan terjejas. Aktiviti ke empat itu juga mungkin aktiviti mendidik sendiri anak-anak di rumah.

Sibuk, boleh saya kategorikan kepada dua iaitu:-

- 1- **Sibuk Efficient.** Sibuk yang boleh di handle. Anda masih boleh maintain tenang dan happy. Ini yang dikatakan anda adalah seorang yang efficient. Disebabkan anda efficient dan happy, anda boleh buat macam-macam perkara lain seperti berhobi, mendidik anak-anak, focus side income, bersosial dan pelbagai aktiviti lain.
- 2- **Sibuk Lost.** Sibuk yang anda tidak boleh handle. Anda sudah lost control dan anda rasa exhausted. Walaupun jumlah aktiviti tidak lah banyak mana. Hanya rutin biasa seperti pergi kerja, balik rumah urus rumah tangga dan urus family.

Tiada kategori untuk dilabelkan kepada seseorang. Contoh, Husna Haron adalah coach formulamasa. Maka saya adalah seorang yang sibuk efficient. SALAH BESAR. Sekiranya saya tidak berpegang kepada Hukum FormulaMasa, saya juga boleh jadi Sibuk Lost. Tetapi sekiranya saya berpegang teguh kepada Hukum FormulaMasa, saya pasti adalah seorang yang Sibuk Efficient walaupun ada banyak kerja. Maka, untuk ketahui lebih lanjut, saya dedahkan sebahagian daripada 21 Rahsia Formula Masa.

2.0 RAHSIA 21 FORMULA MASA

Formula masa ini wujud kerana saya sendiri mengalami masalah masa yang kronik sebelum ini, sehinggalah saya berjumpa 21 formula ini selama 2 tahun pencarian. Telah membantu beribu-ribu orang. Jumlah masa untuk saya terangkan dan praktikal adalah 3 hari. Sehingga anda jelas. Bagaimana untuk uruskan masa secara praktikal. Bukan masa sebenarnya yang kita uruskan. Tetapi kita uruskan Aktiviti.

Namun, di dalam ebook ini saya akan kongsi sebahagian tips di dalam Mind Programming Level 1. Kerana saya tidak mahu anda semua menerima lambakan info hingga tidak bertindak. Lakukan dulu ya. Ini adalah Keseluruhan 21 Formula Tersebut

- 1) Time Problem
- 2) Mind programming level 1
- 3) Mind programming level 2
- 4) Mind programming level 3 – Passion BOM Interest!
- 5) Mission Statement – Life Balance
- 6) Character building
- 7) Formula ABDA
- 8) Strategic collaboration – financial revamp
- 9) Strategic Collaboration – Time and Routine Revamp
- 10) Strategic Collaboration – Body Revamp
- 11) Self Controlling (level 1)
- 12) Self Controlling (level 2)
- 13) Self Controlling (level 3)
- 14) Total Action – Who are You
- 15) Total Action - Mind
- 16) Total Action – Efficient at Work
- 17) Total Action – Efficient at Home : REVAMP YOUR ROUTINE
- 18) Total Action – FORMULA KUASA SENDUK; Efficient Kids & Family
- 19) SUPER REVAMP
- 20) Formula Medina
- 21) TIME LEVERAGE

Di dalam Mind Programming level 1, ada saya kongsi tentang Kaitan Masa dengan Solat dan Alquran. Hanya 2 tips ini yg saya mahu kongsi. Amalkan dulu.

3.0 MASA DAN SOLAT. APA KAITANNYA

Dalam ebook ini, ada banyak senarai ibadah yang boleh kita lakukan untuk mantapkan ibadat kita. Semestinya ia mendorong ke arah mengumpul pengetahuan agama.

Sila rujuk Ustaz/Ustazah, buku agama, YouTube Agama, Alim Ulama untuk kefahaman mendalam. Dan cara yang betul untuk melakukannya.

Apa yang saya kongsi di sini lebih ke arah bagaimana nak SUSUN MASA untuk melakukan ibadat tersebut. Semestinya, penghayatan dan cara yg betul PERLU ADA untuk perkemaskan dan mantapkan cara kita berhubung dengan Allah S.W.T.

Di dalam Islam, Solat adalah tiang dan tunjang utama. Solat adalah aktiviti spiritual yang sekiranya dilakukan dengan sempurna, akan memberikan pelbagai side effects duniawi. Solat adalah masanya untuk roh connect dengan Allah, dengan syarat kita perlu lah khusyuk. Tujuan utama solat adalah untuk mendapat redha, cinta dan kasih sayang Allah. Solat hanya untuk Allah. Semasa solat, seluruh perhatian kita, minda, badan, jiwa dan emosi kita hanya untuk Allah. Doa? Bacaan solat itu sendiri sebenarnya adalah doa untuk kita. Doa untuk keperluan dunia dan akhirat? Ingin mengadu? Semuanya selepas solat. Bukan semasa solat.

Betapa Allah sangat kasih dan sayang kepada diri kita, diberikan segala harapan duniawi dan masalah hidup yang buat kita rasa "lost" dan perlukan Dia. Segala aduan itu adalah sebab untuk kita merasa kebergantungan kepadaNya. Gunakanlah perasaan itu untuk rasa bergantung agar boleh khusyuk.

Semasa solat, ketika mulut melafazkan bacaan solat, hati dan minda kita juga patut focus. Bukan minda asyik berdoa memohon meminta Allah menunaikan segala doa dan permintaan nafsu serakah dunia. SEMASA SOLAT, PERHATIAN HANYA UNTUK ALLAH. Kita hanya mampu untuk khusyuk, bila kita merasakan kebergantungan hanya kepada Allah. Dan kita mampu mengawal minda kita untuk merasakan kebergantungan itu. Itulah khusyuk.

Masalah utama untuk khusyuk adalah kerana aktiviti otak sebelum solat belum di kurangkan. Menyebabkan kita mudah untuk terfikir tentang pelbagai hal dunia. Secara peribadi, saya juga menghadapi masalah untuk khusyuk dalam solat. Akibatnya adalah, umpama kita hanya melakukan solat fizikal sahaja. Kurang impak kepada spiritual. Dan kesannya adalah segala hal dunia dirasakan serba tidak kena. Termasuklah MASA YANG DIRASAKAN TIDAK CUKUP.

Untuk makluman, teknikal perihal solat, kita perlu rujuk kepada yang lebih pakar iaitu Ustaz, Ulama dan Profesor yang melakukan kajian tentang solat. Apa yang saya kongsi di sini adalah daripada dimensi yang berbeza.

Untuk terangkan dengan lebih jelas, saya tunjukkan contoh ini. Cuba letakkan diri anda sebagai Julia. Julia adalah seorang guru. Sebelum solat, Julia sibuk bekerja dan memikirkan hal peribadi juga. Dalam satu masa, Julia yang multi tasker ini berfikir tentang kerjaya, kewangan dan keluarga. Pada pukul 1.00 petang, **otak Julia sibuk berfikir** tentang 30 perkara berikut:-

KERJAYA

- 1- Persediaan untuk mengajar kelas petang
- 2- Marking, kerja pelajar
- 3- Masukkan markah dalam system
- 4- Masalah dengan jadual kelas tambahan
- 5- Siapa yang mahu gantikan beliau untuk tugas AJK PIBG sebab beliau perlu pergi klinik
- 6- Pengetua sekolah puji beliau di atas anugerah Guru Contoh
- 7- Guru lain cemburu kejayaan Julia
- 8- Pelajar datang kepada Julia bertanya masalah nak faham Matematik, topic yang baru diajar
- 9- Julia Berfikir bagaimana lagi perlu diperbetulkan cara untuk terangkan matematik agar pelajar lebih mudah faham
- 10- Julia perlu pakai duit sendiri untuk belikan hadiah kepada pelajar yg dapat markah tinggi.

KEWANGAN

- 11- Julia runsing memikirkan masalah kewangan bila bank call bila mahu bayar hutang loan
- 12- Ada accident pagi tadi, Julia perlukan duit untuk ganti tayar kereta
- 13- Anak perlu bayar untuk belanja tuition
- 14- Julia happy bila kakaknya memberi pinjam duit untuk selesaikan masalah wangnya
- 15- Julia seorang yang independent, mahu focus kepada side income untuk buktikan dia seorang guru yang berpendapatan cukup
- 16- Julia mahu sedekahkan sebahagian daripada duitnya kepada Maahad Tahfiz
- 17- Suami Julia ada call mahu membeli computer baru dan ia melibatkan kewangan keluarga
- 18- Julia ingin derma kepada seorang pelajar yang perlukan duit
- 19- Julia gembira kerana sale dari business online nya banyak
- 20- Julia perlu pergi ke pejabat pos untuk poskan barang

KELUARGA

- 21- Parents bertanya, bila Julia mahu balik kampung
- 22- Kakak call cakap pinjaman perlu dilunaskan dalam masa 20 hari
- 23- Julia gembira anak nya menang di dalam pertandingan silat
- 24- Julia rasa happy selepas mendapat surprise flowers daripada suami yang tercinta
- 25- Julia risau anak bongsu yang kurang sihat di taska
- 26- Julia teringat yang anak no 3 nya belum sarapan pagi tadi
- 27- Adik ipar Julia baru dilamar! Beliau tumpang gembira
- 28- Julia inginkan kebahagiaan berterusan untuk keluarganya
- 29- Julia penat
- 30- Julia banyak kerja!

APA YANG TERJADI, BILA TIDAK BOLEH KHUSYUK SOLAT

Daripada senarai diatas, ternyata pada pukul 1.00 petang terdapat lebih kurang 30 aktiviti otak yang tengah aktif berfikir. Julia seorang yang amat menjaga disiplin solat. Terus berwuduk untuk solat pada pukul 1.15petang. Bila mahu mula solat, 30 aktiviti otak tadi datang. Bagaimana mahu khusyuk?? Sedangkan khusyuk itu, kita harus focus hanya kepada Allah yang satu? Dari 30 aktiviti otak, kepada 1 aktiviti otak. Itu yang payah khusyuk!

Walaupun dicuba untuk khusyuk, terasa teramat sukar. Kadang kala Julia terlupa berapa rakaat sudah solat. Sedar-sedar, sudah habis bacaan alfatihah yang dibaca oleh mulut tetapi mindanya masih berfikir tentang 30 perkara di atas. Dan di dalam solat itu, baru tersedar “ehhhhhh!!! Kena khusyuk lah!”

Tak pe lah..solat je. Yang penting dapat pahala. Bukan dosa.

Itu lah yang terjadi kepada ramai orang. Hinggakan fungsi solat yang utama tidak Berjaya dilaksanakan. Maka, apakah penyelesaiannya? Bagaimana untuk khusyuk?

BAGAIMANA UNTUK KHUSYUK?

Terdapat banyak cara untuk khusyuk yang selalu dibincangkan oleh ramai orang. Antaranya adalah:-

- 1- Wuduk yang sempurna
- 2- Fahami makna bacaan
- 3- Pergerakan solat yang sempurna
- 4- Bersih diri, jiwa dan fikiran.
- 5- Keperluan fizikal terpenuhi (sudah makan, buang air, tiada gangguan bising, environment)
- 6- Menghadirkan hati dan fikiran ke dalam solat. Ok, ini adalah cara yang mudah untuk dilakukan untuk PERMULAAN. Jangan percaya kepada steps ini, sehingga anda cuba amalkan.

Steps	Waktu	Aktiviti Fizikal	Jumlah Aktiviti Otak
1	1.00ptg	Tengah Bekerja	30 aktiviti
2	1.05 ptg	Berwuduk. Dan niatkan juga untuk khusyuk dalam solat. Usahakan untuk parking 30 aktiviti otak di 'luar' minda.	Kemungkinan aktiviti otak akan berkurang kepada 25 aktiviti
3	1.10ptg	Baca alQuran dengan Tajwid. Baca kerana inginkan redha Allah. Sebenarnya, bila kita mencuba membaca alquran dengan tajwid.. usaha kita untuk betulkan bacaan, membuatkan fikiran kita akan tertumpu kepada bacaan itu. Jangan risau kalau tak pandai tajwid. Tajwid ini ada terlalu banyak level. Di mana tahap bacaan anda sekarang, usahakan untuk Upgrade tajwid anda. Semua bahagian otak akan tertumpu kepada bacaan quran ini hingga menyebabkan semua aktiviti otak yang lain akan diarahkan untuk Diam dan jadi tidak aktif.	Mahu baca banyak mana? Sehingga anda rasa, anda sudah boleh lupakan 25 aktiviti otak itu. Hanya bacaan quran sahaja. Disebabkan ini. 25 aktiviti otak itu akan berkurang kepada mungkin 5 aktiviti sahaja lagi. Kebiasaannya, 1 muka surat sudah cukup. Hanya ambil masa sekitar 3 minit
4	1.15 ptg	Sebelum solat, sebelum angkat takbir..sebelum berniat untuk solat, sila berdoa dahulu 1- Tarik nafas dan beristighfar 3x 2- Doa, ya Allah saya mahu khusyuk solat, saya mampu lakukan hanya dengan bantuanMu ya Allah. 3- Yakin bahawa Allah akan tolong	Dari 5 aktiviti otak, mungkin berkurang kepada 3 aktiviti otak
5	1.16 ptg	Solat kerana Allah. Dengan harapkan pergantungan hanya kepada Allah. Lupakan doa duniawi semasa solat. Fikirkan kasih sayang Allah. Inginkan cinta Allah	Ketika ini, aktiviti otak mungkin hanyalah 3. Maka, untuk minda kita berlawan menepis aktiviti otak daripada 3 kepada 1 lebih mudah berbanding 30! Sekiranya kita tidak baca quran dengan tajwid sebelum solat. In shaa Allah solat anda lebih khusyuk!

Semasa solat, rasai nikmat solat. Sekiranya tidak tahu bagaimana untuk rasai, minta kepada Allah. Untuk Nikmat Khusyuk dan kesan secara Islam, sila rujuk kepada ustaz dan ulama untuk penerangan yg lebih jelas. Mereka lebih arif.

Apakah side effect apabila kita boleh merasai solat yang khusyuk? Fikiran kita lebih tertumpu kepada hanya 1 aktiviti yang menyebabkan kita boleh merasai ketenangan! Bila otak kita tenang, apa-apa kerja yang kita lakukan selepas itu, kita lebih focus maka lebih efficient dan siap cepat!

Bagaimana pula kalau selepas solat dibacakan lagi alquran?? Selepas solat khusyuk, side effectnya adalah ketenangan. Dan apabila dibacakan alquran dengan tajwid lagi selepas itu, aktiviti otak akan di arahkan untuk berada dalam mode focus kepada 1 iaitu ingin kan Allah dengan lebih lama! Maka effect ketenangan itu adalah lebih lama! Apatah lagi, selepas itu kita berdoa untuk mengadu pelbagai masalah dunia dan harapan impian. Mengadulah, berdoalah. Kerana Sesungguhnya Allah adalah tempat untuk kita meminta. Meminta keampunan. Meminta di berikan nur Alquran masuk ke dalam jiwa kita agar Alquran berterusan memandu kehidupan kita. HINGGA SAMPAI SATU KETIKA KITA AKAN MERASA BAHAWA ALQURAN BOLEH BERKATA-KATA DENGAN KITA! Untuk ini sila baca alquran terjemahan.

Berapa lamakah kita mampu untuk kekalkan ketenangan ini? Bergantung kepada bagaimana kita boleh mengawal kerja-kerja kita. Tetapi Allah itu Maha Mengetahui, sebab itu solat wajib adalah 5 kali. Tak sempat kita nak rasa Serabut otak, Solat yang seterusnya membantu kita lagi. Ditambah dengan membaca alquran sebelum dan selepas. Apakah kaitannya?

4.0 MASA DAN AL-QURAN. APA KAITANNYA

SETIAP KALI ANDA RASA SIBUK, USAHAKAN UNTUK BACA ALQURAN DENGAN TAJWID. Perhatikanlah anda akan rasakan keberkesanannya di mana kita akan masuk ke dalam zone KEBERKATAN MASA. Ia terjadi apabila kita meyakini bahawa Allah yang kita harapkan redhaNya dan Kasih sayangNya itu membalas harapan kita dengan membantu menguruskan masa kita. Itu lah KELEBIHAN ALQURAN!

Jangan percaya kata-kata saya. Tetapi usahakan untuk mengamalkannya. Sekali cuba, mungkin belum jelas. Tapi usahakan cuba untuk selama 1 bulan Ramadan. Hingga khatam. Jangan risau, telah saya sediakan jadual khatam alquran khas untuk orang sibuk. Untuk orang yang boleh berpuasa penuh dan untuk orang yang ada period/ada keuzuran. Cubalah adjust mengikut kesesuaian.

Sejauh mana untuk khatam? Sekiranya anda memang sudah biasa “marathon” baca quran, sudah biasa bercinta dengan alquran, silakan untuk baca hingga khatam.

Bagaimana pula untuk anda yang jarang baca alquran? Malah 'tiada perasaan' kepada alquran?? Jangan dipaksa! Tidak perlu untuk khatam! Tapi saranan saya usahakan untuk mencuba baca alquran sebelum dan selepas solat walaupun hanya separuh mukasurat. Matlamat anda di dalam golongan ini bukan untuk khatam tetapi berkenalan dan proses penyesuaian diri dahulu. Bukan pahala yang kita kejar. Tetapi connection dengan alquran dahulu. Once dah connected, secara automatic kita akan suka untuk membaca lebih banyak.


Cuba bayangkan, sekiranya kita amalkan selama sepanjang bulan puasa Solat Khusyuk dan Baca alquran hingga khatam, apakah yang terjadi kepada system badan kita? Pasti lebih efficient! Apatah lagi di bulan puasa di katakan semua Syaitan dan Jin di ikat. Maka, sekiranya tidak menjadi adalah kerana kawalan diri kita yang lemah dan tiada system hidup yang efficient.

Apakah kawalan diri dan system hidup?

Maaflah, terlalu panjang untuk diceritakan. Kerana kebiasaannya saya ambil masa 3 hari untuk explain di dalam Seminar Life Balance TimeRevamp. Secara asasnya ia adalah kawalan kewangan, kawalan smartphone, kawalan keluarga, kawalan minda dan pelbagai system untuk mantapkan pengurusan aktiviti dan masa. Untuk hidup seimbang, sebenarnya teramat mudah. Tackle dahulu Allah. Kerana apabila Allah kasih kepada kita, side effect adalah segala impian duniawi dapat dengan mudah. Masalahnya adalah, selama ini kita focus kepada side effects sahaja dan bukan the main effects.

Ya benar kita sudah beribadat. Tetapi ia tidak diaudit.

So, sekarang macam mana nak ada kehidupan yang seimbang?



Model S.E.I.M.B.A.N.G di atas di cipta setelah saya memerhatikan kejayaan 20 orang idola saya. Hampir sama focus yang mereka perkatakan. Ramai orang mahu kewangan yang selesa. Bayangkan, dalam kos sara hidup yang makin meningkat, ramai antara kita yang terpaksa abaikan Elemen berwarna biru di atas. Ia menyebabkan kehidupan kita menjadi Sempit, tak cukup wang dan rushing dengan masa.

Ayuh, saya kongsi sebahagian kecil daripada idea formulamasa.

5.0 VIDEO

Anda boleh menonton video ini secara percuma untuk anda mendapat idea bagaimana untuk ada masa. Dan boleh lah anda fikirkan bagaimana untuk selesaikannya berdasarkan idea asas ini.



1. Selamat Datang Ke Formulamasa



2. Kenali Husna Haron



3. Apakah Formulamasa



4. Bagaimana Keluar Dari Masalah Masa



5. Skill Urus Masa 3 Level



6. Revamp Untuk Masa



7. Formula ABDA Kewangan



8. Formula ABDA Masa & Tenaga



9. Compress Masa Dengan Formula Ini



10. Dikawal Smartphone



11. Mengawal Smartphone



12. Tips Paling Mahal Masa



13. Revamp Handbag Organizer 1 of 2



14. Revamp Handbag Organizer 2 of 2



15. Revamp Pengurusan Kad



16. Revamp Wallet

 17. Sistem Filling Resit	
---	--

Dengan asas idea ini terutamanya kawalan smartphone, diharapkan kita semua mampu untuk berdisiplin bagi mencapai matlamat Ramadan iaitu Khatam alQuran atau maximum baca alquran. Boleh rujuk jadual bacaan seperti lampiran. Untuk jadual Ramadan ini, diharapkan dapat membantu memberikan panduan.

6.0 JADUAL RAMADAN

In shaa Allah kita akan cuba yang terbaik untuk maximum beribadat di bulan Ramadan. Ramai juga yang cuba untuk solat terawih. Kepada yang tiada anak kecil yang selalu merengek, boleh lah untuk solat di surau/masjid. Berapa rakaat? Pada pendapat saya, 8 rakaat sahaja sudah cukup. Solat terawih adalah sunat. Kita sebagai parents, ada tanggungjawab yang wajib iaitu mendidik anak-anak. Janganlah bulan Ramadan anak-anak rasa terpinggir, kita sibuk sangat beribadat. Anak adalah saham kita yang menentukan kita ke Syurga atau Neraka. Seeloknya, kita ajar SENDIRI anak baca al-Quran. Percayalah, anak yang dididik sendiri oleh parents untuk baca al-Quran, anak lagi dengar kata. Kita juga perlu check kerja rumah anak. Sekurang-kurangnya, kita luangkanlah sejam setiap malam untuk mendengar cerita anak. Itu adalah tanggungjawab wajib kita kan? Kalau nak solat terawih 20 rakaat, mungkin boleh sambung masa Qiamullail. Atau sebelum tidur (Kalau susah nak bangun malam).

Bagaimana mahu menyusun bacaan alquran agar boleh khatam? Di sini saya sediakan 2 jenis jadual.

6.1 Jadual Tiada datang Period (sesuai untuk lelaki juga)

Untuk baca 30 juzuk alQuran dalam masa sebulan, caranya adalah membaca 4 mukasurat alquran setiap kali nak solat. (2 page sebelum solat, 2 page selepas solat). Cukup 30 hari, khatam la kita. Sekiranya tak mampu untuk baca setiap kali solat, mungkin boleh luangkan satu waktu seperti sebelum tidur untuk baca 20 page terus menerus. Sekurang-kurangnya, dengan jadual ini, kita tahu di mana kita patut berada.

Sekiranya kita boleh membaca di pejabat, pastikan minta kebenaran bos untuk baca alQuran kerana perlu ingat kita dibayar gaji untuk berkhidmat kepada Bos. Keberkatan perlu dalam konteks ini.

Sekiranya tak sempat juga, pastikan puan ada CD alQuran. Perdengarkan di dalam kereta dalam perjalanan pergi dan pulang kerja. Nak lagi komited? Download alQuran di Handphone, atau guna MP3 player, iPod, apa sahaja Gadget. Sambil bekerja, sambil dengar al-Quran. Untuk penghayatan yang lebih, untuk kaedah ini, kita pasang surah yang biasa kita baca dan dengar. Kalau tak biasa dengar, tak biasa baca, dengar sahaja tak da makna. Kita tak fokus.

Maka, dengan pelbagai kaedah ini semestinya jadual ini boleh dicapai dengan jayanya!

6.2 Jadual Untuk wanita yang datang Period

Ia adalah Lumrah Kejadian Wanita. Tapi tidak menghalang kita untuk khatam al-Quran. Untuk baca 30 juzuk alQuran dalam masa sebulan, caranya adalah membaca 5 mukasurat alquran setiap kali nak solat. (2 page sebelum solat, 3 page selepas solat. Lepas sahur tak perlu lah kita tidur yer. Baca al-Quran lebih sikit time ni. 6 page. Cukup 30 hari, khatam la kita. Sekiranya tak mampu untuk baca setiap kali solat, mungkin boleh luangkan satu waktu seperti sebelum tidur untuk baca 26 page terus menerus. Sekurang-kurangnya, dengan jadual ini, kita tahu di mana kita patut berada.

6.3 period? Masih boleh beribadat.

Saya mahu sharekan satu TIPS yang sangat best! Untuk kita sebagai perempuan dapat beribadat penuh. Kalau kita pergi Umrah & Haji, bagaimana kalau kita period? Rugi kan? Sedangkan kita dah bayar mahal untuk ke sana. Ada cara nya!

Beli pil di Farmasi atau klinik. Ada 2 jenis pil

- 1- Untuk lewatkan period. Untuk ini, kita perlu tahu tarikh kita selalu keluar period (Regular period). So, period akan keluar lambat. Kalau nak hari raya ke2, period lah.
- 2- Kalau tak tahu tarikh period (Tak regular), ada juga pil untuk hentikan period dalam masa 24 jam.

PASTIKAN PUAN TANYA DULU DOKTOR SAMA ADA PUAN BOLEH MAKAN PIL INI ATAU PUN TIDAK!
Bertanggungjawab atas tindakan diri sendiri yer.

Apakah hukum kaedah ini? Sila Tanya Ustaz!

Memandangkan kita dah berada di bulan Ramadan yang amat berkat dan doa makbul, apa kata kita solat hajat moga-moga kita period lambat sikit agar kita boleh fokus ibadat.

Sekiranya, anda tidak boleh makan pil tersebut dan period, tak apa! Bukan tak boleh beribadat! Semasa period di bulan Ramadan, memang kita tak boleh Solat dan Baca al-Quran. Tetapi, kita masih boleh baca terjemahan alQuran. Baca al-Quran bahasa Arab, kita akan mendapat banyak pahala dan secara metafiziknya, kita menarik lebih banyak tenaga alam mengikut getaran frekuensi yang dibaca. Oh ini side effect ya.

Tetapi, untuk kita beramal dengan al-Quran, kita perlu fahami maksud bacaan tersebut. Kita bukan dilahirkan sebagai Orang Arab. Tak apa. Ada terjemahan kan. Mungkin ada yang berkata, terjemahan al-Quran bukan boleh baca sesenang hati macam baca novel. Kerana maksudnya begitu mendalam, tersirat dan lain orang akan faham secara berbeza. Saya setuju 100%.


Saya juga berpendapat, yang menggerakkan hati kita untuk membaca al-Quran adalah Allah. Yang memberi kefahaman kepada kita juga Allah. Yang memberi kefahaman yang berbeza juga adalah Allah. Segalanya Allah yang tentukan. Sekiranya kita faham berbeza itu adalah kerana pengalaman, latar belakang, tahap IQ orang berbeza. Tapi, kita tidaklah slow sangat untuk baca dan faham secara yang tersurat. Yang tersirat mungkin berbeza. Tapi, kita berada di dalam bulan Ramadan yang jin & syaitan di ikat. Itu adalah janji Allah. Maka, berdoa lah agar Allah beri petunjuk kepada kita agar apa yang kita fahami adalah yang betul dan benar apabila baca terjemahan alQuran. Masih sangsi dan ragu-ragu? Rujuklah pakar.. Ustaz dan Ustazah.

Saya juga ingin sarankan agar anda pergi ke Facebook "Around the Quran in 90 Days". Perlu request untuk join. Di sini, anda akan di ajar untuk lebih memahami isi kandungan alQuran. Dan yang lagi best ialah, ada 90 audio file yang boleh di download. Penceramahnyanya bercerita mengenai ayat-ayat alQuran. Masa bila nak dengar? 24 jam pun dah penuh! kelam kabut! Saya sarankan, download dan copy 90 audio file tersebut di pendrive.

Beli Modulizer (seperti gambar di bawah ni). Biasanya dijual di kedai computer, kedai aksesori kereta. Harga sekitar RM30 – RM70. Beli yang ada folder setting dan ada remote yer. Pasangkan di tempat charge handphone di kereta (atau orang panggil tempat cucuh rokok). Dan pasang pendrive di Modulizer ni. Set kan frekuensi radio dan dengar la. Setiap hari pergi kerja dengar satu audio file. Best kan?



MODULIZER UNTUK DIPASANG DI KERETA



TAFSIR ALQURAN

Ok, habis bab peralatan dan buku al-Quran. Kita balik kepada beribadat semasa period. Memandangkan kita period, maka saya sarankan agar kita tetap ikut jadual Ramadan. Semasa slot solat dan Terawih, gunakan lah kesempatan itu untuk baca terjemahan alQuran.

Pada masa yang sama juga, waktu ini boleh lah kalau nak marathon buat biskut raya, kemas rumah, cari baju raya, segala persediaan raya semua tu. (kalau belum buat sebelum Ramadan). Ramadan kan sekali setahun. Ragam orang masa Ramadan pun sekali setahun juga. Kita enjoy juga lah time ni. Window shopping..jalan-jalan kat Bazar Ramadan, Shopping Mall. Hey! Itu terapi untuk perempuan kan! Kita kan boleh berjalan window shopping satu hari..walaupun balik bawa satu plastic je. Memandangkan itu adalah lumrah kejadian wanita..gunakanlah. Nak lagi syok, pergi dengan kawan! Jangan sesekali pergi dengan suami. Dan jangan juga bawa anak-anak! Ni kan terapi shopping! Ahaks!


Jangan bawa duit banyak juga. Nanti nafsu shopping mengatasi segala iman kita hahahahaha! Masa marathon melepaskan nafsu shopping, nafsu persediaan raya.. mulut dan hati kita jangan terlepas dari

berzikir dan selawat. Bawa bersama tasbih digital mcm dalam gambar ni. Gambar ni saya ambil di <http://tasbihdigitalmurah.blogspot.com/2012/05/tasbih-digital-murah.html>



TASBIH DIGITAL

Harga tasbih ni sekitar RM5 – RM12. Tapi, cool gile! Tersorok dalam genggam tangan, mcm pakai cincin. Sebelum ni saya bukan jenis yang selalu berzikir dan berselawat. Tapi, semakin banyak kita berzikir dan selawat, kita sebenarnya sedang connected dengan Allah. Dan jangan lupa untuk berdoa!!! Kan ada list panjang untuk doa. So, baca lah. Kalau tak bawa, pastikan snap picture. Buka handphone bacalah doa tu. Sebenarnya ada scientific explanation pasal ni. Dan ada cara agama untuk ni. Tapi, lebih elok sekiranya puan Google sendiri.



Kalimah LA ILAHA ILLALLAH ini lebih berat drpd seisi 7 lapisan LANGIT & BUMI !

Dalam masa yang sama, tingkatkan sedekah kita. Untuk kaya, perlu sedekah selalu. Tak de duit banyak, sedekah lah RM1 je pun. Tak de duit, sedekah lah makanan, ataupun senyuman. Pertolongan. Hatta bacakan alQuran juga boleh disedekahkan kepada orang. Sila google untuk ini.

7.0 PERSEDIAAN SEBELUM RAMADAN TIBA

7.1 Persediaan Rumah

Menjadi kebiasaan, bila lagi seminggu nak raya, kita akan bertungkus lumus bersihkan rumah. Sedangkan 10 hari akhir Ramadan adalah waktu yang sangat tinggi nilai pahala yang kita ingin kejar. Lailatul Qadar juga ada pada waktu ini.

Saya ingin cadangkan agar segala hal bersih rumah dilakukan sebelum Ramadan. Ini dikira sebagai Spring Cleaning. Segala habuk, sawang, dibersihkan. Carpet semua di vacuum. Langsir raya juga tukar masa ni! Orang tak tahu pun kita pakai langsir raya ke tak. Bukan setiap hari orang datang rumah kita.

Kalau nak cepat, upah lah Partime Cleaner atau pekerja Indonesia untuk bantu bersihkan rumah. Sebulan awal? Tak pe ke? Memang rumah kita akan kembali berhabuk. Tapi untuk sapu-sapu lepas tu (sekadar maintain) jauh lebih senang. Berbanding semuanya kita nak buat masa nak raya.

Time ni juga kita dah keluarkan balang biskut raya, pinggan mangkuk, cawan, kalau nak pasang lampu lip lap berkelip-kelip tu pun, pasang lah sekarang. Tapi jangan on lagi. Dah dekat raya baru On.

Mesti ada yang tertanya-tanya. Dekat kawasan rumah anda tiada partime cleaner? Di kawasan rumah saya juga tiada! Bagaimana nak cari? Tanya saja cleaner sekolah, cleaner hospital, pekerja Indonesia, cleaner di mana sahaja! Mereka ingin side income juga. Dan jangan lah meletak harapan melampau tinggi. Kalau first time datang, kita perlu train mereka. Kalau tak bersih, jangan marah. Mereka juga manusia seperti kita. Kita juga tak suka dimarah bos! Cleaner rumah saya, saya cari melalui kaedah ini. 20 orang saya cari. Dan saya jemput dan hantar cleaner ini. Lokasi rumah nya adalah 15minit dengan kereta dari rumah saya. Yang utamanya, jangan berharap kepada diri sendiri untuk lakukan segalanya, sebab kita tak mampu untuk paksa diri kita yang dah penat bekerja.

Yang paling best adalah anda boleh tempeh sahaja Partime Cleaner di MaidEasy.com. Semua pekerja adalah orang Malaysia. Cleaner Professional.

7.2 Persediaan Kuih Raya

Ada antara kita suka bakar kuih raya sendiri, ada yang suka tempah, ada yang beli last minute dekat-dekat nak raya (sebab fikir harga lagi murah). Sekiranya anda bakar kuih raya sendiri, apa salahnya kalau buat sekarang? Kuih raya kan tahan lama! Ingat, kita nak kumpul pahala Ramadan. Memang buat kuih pun dapat pahala.. tapi yang mana lebih berat? Yang mana lebih utama?

Kalau anda jenis yang suka dan nak feeling buat biskut raya, mungkin boleh lah bakar masa period. Sambil pasang CD alquran di dapur dan berzikir. Bukan kah lebih berkat, lebih banyak getaran alquran dalam penghasilan biskut tersebut?

Kepada yang tempah atau beli, tiada masalah. Anytime sahaja.

7.3 Persediaan Baju Raya

Beli lah awal. Ada size, ada banyak pilihan, ada banyak warna. Tak perlu lah tunggu last minute. Last-last Ramadan, memanglah harga mungkin lebih murah..tapi kita perlu cari lama untuk dapat size, design yang kita suka. Bazir masa kan. Kalau sekadar nak feeling-feeling join orang ramai masa last minute tu, terpulanglah

Tapi kalau kita dah ada, feeling-feeling tu tak de lah lama sangat. Tak dapat apa yang dicari pun tak frust sangat. Kebiasaannya, kita suka satu keluarga sedondon warna sama masa raya. Masa awal la ada banyak pilihan. Kalau nak tempah pun, time ni confirm dah tak de tukang jahit yang terima.

7.4 Ganti Puasa / bayar Fidyah

Sudah habis ke ganti puasa? Dah last minute baru teringat semua hutang. Tanya diri sendiri yer. Sila rujuk buku agama, ustaz/ustazah untuk fahaman lebih yer.

7.5 Persediaan Ibadat & Penghayatan

Ini yang paling utama yang perlu kita lakukan. Di bulan Ramadan ini, sebolehnya kita akan cuba untuk memperbanyakkan ibadat. Apa yang kita boleh lakukan? Lakukan ibadat dengan penuh ikhlas. Agama Islam adalah satu cara hidup. Dimana Islam adalah SEBAHAGIAN DARIPADA HIDUP KITA. Tak boleh dipisahkan. Ramai antara kita berpisah antara Islam dan cara hidup. Memang boleh! Tapi makin jauh lah kita dengan barakah Allah, dengan laluan lurus, dengan jalan ke Syurga.

So, sebelum Ramadan datang, jom kita audit diri, perbetulkan dan perkemaskan ibadat kita. Ada banyak Sumber untuk kita rujuk. Kenapa perlu ditekankan hal ini? Selama ni solat juga, baca al-Quran juga, zikir & selawat juga. Ok je!

Perlu perbetulkan dan perkemaskan sebab ia akan memudahkan kita untuk dapat apa yang kita impikan. Kita selalu berdoa. Macam-macam yang kita ingin daripada Allah. Tapi, cara kita “kipas” Allah tak kena. Bagaimana Allah nak makbulkan doa kita kalau kita tak jaga hubungan dengan kabel paling kuat dengan Allah? Bagaimana Allah nak makbulkan doa kalau kita tak junjung kekasih Allah iaitu Rasulullah S.A.W.?

a) Solat wajib.

Kita solat cukup selama ni. 5 kali sehari. Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Tapi adakah kita solat sebab takut dosa? Takut ayah marah? Takut apa kata kawan-kawan? Solat adalah tiang agama dan cara untuk kita Berjaya. Terlalu panjang untuk ulas hal ini. Kita serahkan kepada Ustaz Don Daniyal untuk terangkan. Sila rujuk linkage di bawah. Sila luangkan masa untuk baca dan tonton kerana ia akan mengubah dimensi ibadat kita selama ini. Seeloknya, kita luangkan masa untuk pelajari cara solat sempurna ni. Bagaimana Allah nak berikan kita masa sekiranya kita sendiri tak mahu luang masa kepada Allah.

- **Solat Awal waktu**
kerana perubahan waktu solat, mempunyai Tenaga alam yang berbeza untuk system badan kita. Sila Google
<http://www.islamituindah.my/waktu-solat-menurut-al-quran-dan-sains>
- **Wuduk yang sempurna**
YouTube Search : [BARU] Ustaz Don Daniyal - Cara wudhu yang betul
<http://www.youtube.com/watch?v=Lkj-HWmsXkk>
- **postur yang betul (terutama masa sujud & rukuk)**
YouTube Search : Cara Solat Yang Sempurna (1)
http://www.youtube.com/watch?v=NN_QTujwQKM
- **fahami maksud bacaan**
supaya kita lebih menghayati dan lebih khusyuk
<http://azizie.com/umum/maksud-atau-makna-bacaan-dalam-solat>

b) Solat sunat

Selepas kita perkemaskan solat kita, boleh lah kita extend kan solat kita kepada solat sunat. Kata nak kaya, nak bahagia, nak tenang hidup. Hajat hidup macam-macam. Jom kita sama-sama amalkan solat sunat. Sila rujuk buku agama dan ustaz/ustazah bagaimana untuk memantapkan ibadat ini.

- Solat Dhuha (untuk murah rezeki)
- Solat Istikarah (untuk dipermudahkan kita membuat sebarang keputusan hidup. Bukan utk kawin je)
- Solat Taubat (agar Allah hapuskan segala dosa kita. Taubat nasuha yang kita takkan ulang lagi kesalahan)
- Solat Tahajjud (imam Shafie: Tahajjud umpama anak panah yang takkan terlepas sasarannya)
- Solat Hajat (mohon lah apa jua hajat, Allah Maha Pemurah lagi Maha Mendengar)
- Solat Tasbih

Tetapi ingat ya, tujuan solat sunat ini semua side effects. Solat tetap untuk dapat cinta Allah. Perbetulkan niat ya.

c) Senarai Doa

Ye. Masuk bab ni, semua orang buka mata! Sebab terlalu banyak hajat di hati. Tapi bagaimanakah kita berdoa? Ramai antara kita doa dalam bahasa arab yang kita pun tak tahu apa maknanya. Macam mana tu? Seolah olah kita naik bas tapi kita tak tahu kemana hala tuju bas tu nak pergi. Doa sepatutnya detail dan terperinci. Kita pecahkan doa kepada beberapa bahagian dan kategori.

Sila rujuk lampiran untuk contoh doa dan fahami kenapa ia dipecahkan kepada 7! Sekiranya Puan ada senarai doa yang sedikit sahaja, tak perlu lah buat mcm ni. Baca doa yang sama setiap kali solat.

“Sesungguhnya solat yang paling berat bagi mereka yang munafik ialah solat Isyak dan solat Subuh, kalaulah mereka tahu kelebihan kedua-duanya nescaya mereka akan datang melaksanakannya meskipun dalam keadaan merangkak.” (HR Bukhari dan Muslim)

Pasti ramai antara kita yang selalu tertinggal solat subuh dan Isyak. Sebab tu lah Rasulullah boleh keluarkan statement di atas. Maka, untuk pastikan kita tak tinggal solat, sebab tu lah doa ni dipecahkan. Agar, kita tak tinggal solat. Kalau kita tinggal, kita tak doa yang ni, kita tak dapat doa makbul yang ni. Bila dah solat, Pastikan Puan berdoa juga agar dikeluarkan rasa beribadat ikhlas kerana Allah. Apa lagi, sila ke lampiran dan sediakan doa Puan!

No	Kategori	Waktu baca
1	Diri sendiri dan hubungan dengan Allah dan Rasul	Subuh
2	Rezeki	Solat Dhuha, Taubat, Istikarah
3	Keluarga (suami, anak-anak, ibu bapa, mertua, adik beradik)	Zohor
4	Kesihatan	Asar
5	Umrah, haji, iman	Maghrib
6	Cita-cita	Isyak
7	Lain-Lain	Taubat, Tahajud, Hajat

DOA buatkan kita lebih fokus dengan apa yang kita inginkan. Dan ia perlulah selari dengan alquran. Malahan, apabila kita memahami alquran, kita akan mula mengubah diri untuk ikuti panduan yang Pencipta kita sampaikan.

DOA adalah senjata utk berjaya

DOA + SOLAT khusyuk + pergerakan yg betul + awal waktu mempermudah lagi..

Lipatkan usaha 100kali ganda!



Bagaimana cara berdoa? Sila Tanya ustaz.

Tapi, pastikan doa itu detail dan terperinci. Doa yang kita faham dan yang kita boleh bertindak untuk mencapai doa tersebut. Untuk contoh doa ini, sila rujuk lampiran. Di situ hanya lah contoh. Tuliskan balik di dalam BUKU DOA puan. Setelah di senaraikan, Photostat 5 set. Satu di letak di pejabat, di rumah, di bawa bersama dalam beg telekung (solat terawih di masjid), di dalam kereta dan simpan satu untuk rujukan satu masa nanti. Dan jangan lupa untuk ambil gambar setiap doa, save dalam handphone. Boleh selalu rujuk.

d) [Baca Al-Quran](#)

Bilakah kali terakhir kita baca al-Quran? Apakah dah berhabuk al-Quran di rumah? Bila dah ada keluarga, kerja, nak kejar urus rumah tangga, nak kejar cari side income, kita lama-lama terlupa al-Quran. Sedangkan di dalamnya penuh dengan pelbagai TIPS untuk kita Berjaya.

Bacalah al-Quran dan terjemahannya. Bahasa nya mungkin tidak semudah baca novel. Tapi, kita bukanlah bengap sangat untuk faham at least on the surface. Kalau tak faham, doa lah pada Allah agar diberikan kefahaman untuk mudah memahami. Cubalah rujuk buku agama dan bertanyalah kepada yang tahu.

Allah menaikkan martabat seseorang dengan ilmu! Sekiranya kita ada pelbagai masalah, bukalah al-Quran.

AL-QURAN PENAWAR JIWA, UBAT KEPADA HATI

“Jika kamu ingin Allah ‘bercakap’ denganmu, bacalah al-Quran kerana al-Quran ialah ayat-ayat Allah yang ditujukan kepadamu”

“Jika kamu pula ingin bercakap dengan Allah, maka dirikanlah Solat. Hakikatnya ialah doa, pengaduan, pujian dan rintihan seorang hamba kepada Allah”

Apakah persediaan yang kita perlu lakukan?

Beli 3 CD al-Quran dan pasangkan di rumah, di dalam kereta dan di laptop/PC. Kalau tak baca pun at least, setiap masa kita diperdengarkan dengan al-Quran. Kalau budget kurang, boleh lah cari softcopy al-Quran dan copy di 3 thumbdrive. Bila pasang alQuran tu, letak sekali air minuman dan tong beras. Lagi bagus, sekiranya CD player tu letak kat dapur juga. Bila kita masak, makanan juga mengandungi zat rohani.

e) Zikir

Saya bukanlah ustazah untuk bercerita perihal ini. Tapi, tak salah untuk kita saling mengingatkan. Zikir sebenarnya melatih kita untuk selalu ingat kepada Allah. Dalam apa jua keadaan, setiap masa, setiap saat kita ingat kepada Allah. Melatih kita untuk bergantung kepada Allah. Allah yang Maha Penentu segalanya. Mana mungkin kita boleh hidup dengan tenang tanpa ingat pada Allah. Dan sekiranya kita selalu kelam kabut urus rumah tangga, ingatlah yang memberi masa adalah Allah. Yang menarik masa juga adalah Allah. Semua orang dapat 24jam.

Di bulan Ramadan ini, cuba latih diri kita untuk berzikir 1000 kali. Yer seribu kali. Subhanallah (Maha Suci Allah), Alhamdulillah (Thank You Allah), Laillahalillallah (Tiada tuhan selain Allah), Allahuakbar (Allah Maha Besar).

Sekiranya Allah belum memberi rezeki yang lebih kepada kita, ingatlah apa yang telah kita lakukan untuk memuji Sang Pemberi Rezeki?

Untuk zikir ini, cubalah untuk gunakan tasbih atau tasbih digital. Untuk pastikan kita betul-betul berzikir 1000 kali untuk setiap zikir tersebut. Atau yg lebih nikmat, anda rekodkan berapa lama anda ambil masa untuk zikir 100kali. Sekiranya 5 minit. Maka, selama 5 minit berzikir lah tanpa mengira. Kerana kebanyakan masa bila kita mengira, fikiran kita terfokus kepada kiraan itu, bukan ingatan kepada Allah.

f) Sedekah

Apabila kita menjaga hubungan dengan Allah, akan terbit rasa Syukur pada Nya yang luar biasa. Atas rasa Syukur itu, kita akan rasa bersemangat untuk membantu orang lain. Beri apa yang kita ada. Apa saja harta. Wang, masa, tenaga, ilmu, perhatian. Asasnya, tolong orang lain,

8.0 BERDOA DI BULAN RAMADAN

Jika dilihat senarai doa, pasti ada banyak kan! Berapa banyak yang dah makbul? Tak de satu pun! Sebab tu lah kita senaraikan dalam doa. Kalau dah makbul, confirm tak masuk dalam doa kan? Jadi, bukankah bulan Ramadan bulan yang penuh keberkatan. Doa memang akan makbul? Bagaimana kalau kita USAHA, solat yang sempurna, doa pada waktu makbul, doa yang specific dan detail. Apakah Allah takkan makbulkan? Dari senarai doa tu.. mungkin 60% akan makbul. Kalau tak makbul lagi, mungkin belum masanya. Mungkin ada yang lebih baik yang Allah rancangkan untuk kita. Pastikan kita selalu berusaha! Dan selalu bersangka baik pada Allah. Kerana Allah adalah sangkaan hambaNya.

Jangan la pula, berdoa nak kaya tapi duduk tidur goyang kaki tak buat apa. Perlu lah usaha. Tak perlu lah berharap rezeki jatuh dari langit tiba-tiba jadi Raja yang kaya!

Memandangkan kita ada banyak keinginan. Maka sebab itu lah kita lebih beribadat di bulan Ramadan ini. Jom, kita Tukar Rutin Ramadan untuk Dapat Lebih Pahala, lebih Makbul Doa. Semestinya saya tak boleh nak guarantee sejauh mana doa kita makbul. Kerana ia adalah hak mutlak Allah S.W.T. tapi, sekurang-kurangnya, ini adalah usaha kita!

Dan pastikan juga, kita beribadat ikhlas kerana Allah! Memang kita ada banyak keinginan. Sebab tu kita berdoa, sebab tu kita beribadat. Tapi mohon lah juga untuk Allah anugerahkan keikhlasan itu di jiwa kita.

Rajin-rajin kan diri untuk baca buku agama, Google, tonton rancangan agama, YouTube tentang agama untuk mantapkan lagi hubungan kita dengan Allah, hubungan dengan Rasulullah S.A.W., hubungan dengan suami, hubungan dengan ibu bapa, hubungan dengan Mertua, hubungan dengan anak-anak, keluarga, kawan-kawan dan semua umat manusia.

Maafkan segala dosa semua orang.

Sedangkan kita juga berdosa kepada Allah. Kita memohon keampunan Allah. Apa salahnya jika kita bersihkan jiwa kita, maafkan semua orang! Buang ego jauh-jauh.


Seeloknya, masa baca al-Quran letak satu gelen air sekali. Kenapa? Kerana air boleh mempengaruhi doa makbul. Bagaimana air mempengaruhi doa makbul? Air memiliki sifat sensitif namun juga reaktif. Jika dibacakan padanya kata-kata yang baik, air akan bereaksi positif. Sebaliknya, jika diberikan kata-kata buruk, maka air juga akan bereaksi sifat dan makna kata-kata tersebut (Dr Masaru Emoto)

Air yang dibacakan Surah Yasin adalah perkara biasa yang dilakukan untuk terang hati, capai sesuatu hajat dll. Berdoa juga mempengaruhi molekul air, dalam jangkamasa pendek. Sekiranya kita berhajat sesuatu

yang lebih besar & jangka masa panjang.. perlulah setiap masa air di badan diperdengarkan dengan niat yang baik.

bagaimana?

bacaan al-Quran, solat 5 kali sehari, berdoa, berzikir.. pasti akan selalu memastikan molekul air di dalam badan mendapat molekul yang cantik yang memudahkan proses kita mendapat apa yang kita inginkan. Subhanallah..Allahuakbar!! Segalanya telah Allah beritahu.. dan kita asyik menyalahkan takdir bila belum kaya, bila ada macam2 masalah, bila hidup kelam kabut. Ikut alQuran dan Sunnah, kita pasti berjalan di laluan yg lurus



MOLEKUL AIS YANG BEREAKSI POSITIF

<http://peribadirasulullah.wordpress.com/islam-sains/>



MOLEKUL AIR ZAM-ZAM

9.0 PENUTUP

Selagi mana kita menjaga hubungan dengan Allah terutamanya di dalam solat yang khusyuk, in shaa Allah kita akan selalu mendapat connection denganNya. Apatah lagi dengan Alquran yang akan terus menerus memberikan pelbagai petunjuk, peringatan dan penawar kepada diri kita. Rahmat alquran semestinya ada bila kita selalu attach dengan alquran.

Alquran dan Sunnah adalah cara untuk kita kembali kepada Allah. Petunjuk yang pasti tidak akan buat kita sesat. Doalah bagaimana untuk menerima al-hikmah agar dikurniakan kefahaman memahami alquran dan beramal dengan alquran.



BACALAH AL-QURAN

10. LAMPIRAN (JADUAL RAMADAN)

